



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH GERHANA BULAN

Tajuk :

IBRAH TAKWA DARI KETUNDUKAN SEMESTA

Tarikh Dibaca :

**13 RAMADAN 1447H/
3 MAC 2026M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



KHUTBAH GERHANA BULAN
IBRAH TAKWA DARI KETUNDUKAN SEMESTA
13 RAMADAN 1447H / 3 MAC 2026

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَمَنْ ءَايَتُهُ الَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا
لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ **فصلت [37]**

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْحَاضِرُونَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ، أُوصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda serta sahabat-sahabat baginda yang sama-sama berjuang menegakkan Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada malam ini, kita berhimpun dalam rumah Allah yang mulia ini, bukan untuk menyambut satu perayaan, sebaliknya untuk menundukkan wajah dan hati kita menyaksikan salah satu kebesaran Allah SWT iaitu fenomena gerhana bulan.

Sebentar tadi, kita telah pun menyempurnakan Solat Sunat Gerhana (*Khusuf*) secara berjemaah. Ketahuilah, perhimpunan kita pada malam ini menuntut kita merenungi tiga pengajaran besar;

Pertama: Gerhana merupakan bukti kekuasaan mutlak Allah SWT.

Dari sudut sains astronomi, gerhana bulan yang kita saksikan malam ini berlaku kerana penjajaran yang sangat tepat antara matahari, bumi, dan bulan. Kegelapan pada bulan itu hanyalah bayang-bayang bumi kita sendiri. Ketepatan darjah kecondongan orbit ini membuktikan betapa telitinya sistem alam (*sunnatullah*) yang diciptakan. Ia tidak bergerak sendiri. Firman Allah dalam Surah Fussilat, ayat 37 yang dibacakan diawal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan sebahagian dari tanda-tanda kebesaran-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah sujud kepada matahari dan janganlah sujud kepada bulan, dan sujudlah kepada Allah yang menciptakannya...”

Kedua: Penghapusan kepercayaan karut (*khurafat*).

Meskipun kita berada di tahun 2026, masih ada lagi yang mengaitkan gerhana dengan nasib malang, kematian, atau petanda aneh. Ingatlah pesanan tegas Baginda Nabi Muhammad SAW ketika berlakunya gerhana pada zaman baginda. Baginda bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Maksudnya: “Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda Allah. Gerhana tidak berlaku kerana kematian atau kelahiran seseorang. Apabila

kamu melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, dirikan solat dan bersedekahlah". (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, bersihkanlah akidah kita. Gerhana ialah fenomena alam yang berlaku kerana kehendak Allah, dan bukan petanda mistik.

Ketiga: Peringatan tentang hari kiamat.

Sidang jemaah sekalian, lihatlah ke langit malam ini. Hilangnya cahaya bulan dan bertukarnya warna menjadi kemerah-merahan ialah sebuah 'simulasi' kecil kepada dahsyatnya hari kiamat. Jika bayang-bayang bumi sudah cukup untuk menggelapkan bulan dan menimbulkan rasa gerun di hati kita, bayangkanlah saat di mana sistem cakerawala ini benar-benar dihancurkan kelak. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Qiyamah, ayat 8-9 yang bermaksud:

"Dan apabila bulan telah hilang cahayanya. Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama".

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sebagai kesimpulannya, janganlah kita membiarkan fenomena gerhana bulan ini berlalu sekadar menjadi pertunjukan astronomi yang kita rakam menggunakan telefon pintar semata-mata. Jadikanlah detik ini sebagai satu cubitan yang menyedarkan betapa kerdilnya kita yang dipenuhi dosa-dosa dan kesombongan selama hidup di atas dunia.

Marilah kita menyahut seruan Nabi Muhammad SAW apabila berlakunya gerhana iaitu dengan berdoa, bertakbir, mendirikan solat, memperbanyakkan istighfar memohon keampunan, dan menghulurkan sedekah terlebih lagi kita juga sedang berada dalam bulan Ramadan yang mulia. Mudah-mudahan, kegelapan sementara di langit malam ini menjadi asbab terangnya cahaya iman dalam hati kita semua.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ
وَاحِدٌ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الدَّاعِيَ إِلَى رِضْوَانِهِ. اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا

أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرُوا. وَعَلِمُوا أَنَّ
اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ يَدَأُ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنِي بِمَلَأَ ثَنَكَهُ بِقُدْسِهِ وَقَالَ تَعَالَى إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَنْبِيَائِكَ وَرُسُلِكَ وَمَلَائِكَتِكَ
الْمُقَرَّبِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ وَعَنْ بَقِيَّةِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ

الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ وَانصُرْ عِبَادَكَ الْمُوَحِّدِيَّةَ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ
الْمُسْلِمِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَاعْلِ كَلِمَاتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحْنَ وَسُوءَ الْفِتْنَةِ وَالْمَحْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ عَن بَلَدِنَا مَالِيزِيَا خَاصَّةً وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا
فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ
يَأْمُرُنَا بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ وَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ.